

Praktis 38 Kesalahan Bahasa

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis pembedulan pada ruang jawapan yang disediakan.

- 1 “Tidak ada jalan pintas untuk mencapai kejayaan, kamu mesti berusaha dengan gigih dari masa ke semasa,” kata Adi kepada Khairil.

Kesalahan	Pembedulan

- 2 Persengketaan antara kaum dapat dielakkan sekiranya semua kaum hidup saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Kesalahan	Pembedulan

- 3 Kapal bantuan kemanusiaan Mavi Marmara ke Gaza ditawan oleh pasukan tentera Israel dan mereka telah membunuh beberapa orang aktivis-aktivis di dalam kapal tersebut.

Kesalahan	Pembedulan

- 4 Rumah Satria menjadi johan bagi kebanyakan acara sukan di dalam kejohanan olahraga tahunan sekolah saya.

Kesalahan	Pembedulan

- 5 Kanak-kanak itu menjerit apabila dikejar anjing semasa hendak pergi ke sekolah.

Kesalahan	Pembedulan

Praktis 39 Kesalahan Ejaan

(a) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis pembedulan pada ruang jawapan yang disediakan.

- 1 Pekerja kedai yang timpang itu pernah terlibat dalam kemalangan ketika melintas jalan raya.

Kesalahan	Pembedulan

- 2 Ibu bapa harus bertanggung jawab mendidik anak-anak supaya memiliki akhlak yang mulia sejak mereka kecil.

Kesalahan	Pembedulan

- 3 Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengiatkan aktiviti sukan dan kokurikulum untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani.

Kesalahan	Pembedulan